



**BUKU PANDUAN
PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH
UNTUK GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA (GPM)**

Edisi ke-2



Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2016
Edisi Ke-2 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana isi kandungan buku dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pengarah,
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Pesiarian Bukit Kiara,
50604 Kuala Lumpur.

Bahagian Teknologi Pendidikan
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Buku panduan pengurusan pusat sumber sekolah untuk guru perpustakaan dan media.

1. Resource programs (Education)—Management—Handbooks, manuals etc.
2. School libraries—Management—Handbooks, manual, etc. 3. Instructional materials centres—Management—Handbooks, manual etc. I. Judul.

027.8

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat	
1.	Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia	i	
2.	Kata Alu-aluan Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan	ii	
3.	Pendahuluan	iii	
4.	Pusat Sumber Abad ke-21	1	
5.	Bidang Tugas Guru Perpustakaan dan Media (GPM)	8	
6.	Perincian Tugas GPM	17	
7.	Fail Kuasa Pusat Sumber Sekolah (PSS)	20	
8.	LAMPIRAN		
	8.1	Carta Gantt Tugas Pengurusan PSS untuk GPM	30
	8.2	Contoh Jadual Waktu GPM	34
	8.3	Jawatankuasa Induk PSS	35
	8.4	Jawatankuasa Kerja PSS	36
	8.5	Senarai Pekeliling Berkaitan dengan PSS	37
	8.6	Contoh Perancangan Strategik PSS	38
	8.7	Contoh Perancangan Taktikal PSS	41
	8.8	Contoh Kandungan Taklimat Orientasi PSS	45

KATA ALU-ALUAN
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA



Syukur ke hadrat Allah SWT, Buku Panduan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah untuk Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (GPM) Edisi ke-2 telah berjaya dihasilkan. Penghasilan buku ini akan membantu tugas GPM khasnya dari segi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan Pusat Sumber Sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 sebagai pelan untuk membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia. Pelan ini telah memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan melalui penyediaan pendidikan berkualiti untuk semua. Penglibatan dan kerjasama semua pihak untuk menjayakannya termasuk pihak sekolah amat diperlukan. Antara langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah dengan meningkatkan keupayaan kepimpinan sekolah termasuk kepimpinan dan pengurusan Pusat Sumber Sekolah.

Perkembangan dan peluasan penggunaan ICT telah membuka dimensi baru dalam konsep pengajaran dan pembelajaran, dan perkembangan ini mempengaruhi pengurusan dan fungsi pusat sumber sekolah. Bahan bantu mengajar berbentuk elektronik semakin mudah diperoleh dan akses kepadanya tidak hanya terhad kepada guru malah terbuka kepada murid dan ibu bapa juga. Pendek kata, perkembangan ini telah memberi impak kepada pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kemudahan mengakses kepada internet sama ada di sekolah mahu pun di rumah telah membolehkan murid meneroka bidang ilmu yang baru. Saya berharap kemudahan seperti ini dimanfaatkan oleh GPM untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Akhir kata saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan buku panduan ini.

SELAMAT MAJU JAYA

TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN



Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Buku Panduan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah untuk Guru Perpustakaan dan Media (GPM) Edisi ke-2 dapat diterbitkan dengan jayanya.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah mengembang tenaga, idea dan pandangan untuk merealisasikan buku panduan ini, memandangkan Guru Perpustakaan dan Media memerlukan sumber rujukan untuk melaksanakan tugas-tugas pengurusan di pusat sumber sekolah (PSS).

Dalam usaha memperkasakan PSS, GPM perlu dilengkapkan dengan maklumat dan pengetahuan berkaitan pengurusan PSS. Justeru, penerbitan bahan ini diharap dapat memberi manfaat kepada GPM dan pihak sekolah. Usaha ini merupakan satu inisiatif dan tindakan proaktif Bahagian Teknologi Pendidikan dan rangkaiannya untuk memberi panduan tentang tugas yang diperlukan oleh GPM supaya dapat mengendalikan PSS dengan lebih berkesan.

Akhir kata, saya berharap penerbitan bahan ini dapat dijadikan panduan agar usaha-usaha yang berterusan dapat dilakukan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG). Dalam usaha untuk memantap dan memajukan sistem pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi penekanan yang sewajarnya dalam pelaksanaan pelbagai program yang berkaitan dengan PSS.

“SEHATI SEJIWA”

MOHD. ZAIDI BIN YAZID
Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Pusat sumber sekolah (PSS) merupakan penjana pembentukan masyarakat yang berilmu pengetahuan, gemar membaca dan berkemahiran maklumat sejajar dengan kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pendidikan abad ke-21. Perkembangan pesat dunia pendidikan telah memberikan impak yang positif kepada perkembangan pusat sumber sekolah abad ke-21.

Adalah menjadi dasar dan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan mutu pendidikan di negara ini sehingga mencapai pendidikan bertaraf dunia. Sehubungan dengan itu, perjawatan Guru Perpustakaan dan Media (GPM) telah dapat memberi fokus ke arah memantapkan PSS sebagai pusat sumber sekolah bercirikan abad ke-21 di Malaysia. Pelantikan GPM (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2005 bertarikh 18 Julai 2005 – Penyelarasan Waktu Mengajar bagi Guru Penyelaras Bestari serta Guru Perpustakaan dan Media) merupakan satu usaha kementerian untuk memantapkan pengurusan PSS.

Penerapan dan pembudayaan teknologi pendidikan merupakan elemen penting dalam memartabatkan PSS sebagai nadi utama P&P dan pusat kecemerlangan. GPM perlu jelas tentang bidang tugasnya serta fungsi PSS yang mempunyai hubungan langsung dengan pelaksanaan program kurikulum, ko-kurikulum dan hal ehwal murid di peringkat sekolah. Terdapat empat bahagian utama dalam pengurusan PSS iaitu:

- i. Bidang A : Pengurusan dan Pentadbiran
- ii. Bidang B : Organisasi Bahan
- iii. Bidang C : Galakan Membaca
- iv. Bidang D : Literasi Maklumat

Oleh yang demikian, PSS perlu diurus dengan baik dan teratur termasuklah penjadualan dan sistem sirkulasi, peralatan, bahan-bahan P&P serta kemudahan dan perkhidmatan. Buku panduan edisi ke-2 ini adalah hasil daripada bengkel suntingan yang telah diadakan bersama dengan guru dan pegawai-pegawai BTP/BTPN berdasarkan kepada keperluan semasa.

Adalah diharapkan dengan adanya Buku Panduan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah Edisi ke-2 ini, iaanya dapat membantu GPM melaksanakan tugas lebih berkesan dan efektif dalam mewujudkan PSS yang bercirikan abad ke-21.

PUSAT SUMBER SEKOLAH (PSS)
ABAD KE-21

1.0 Pengenalan Pusat Sumber Sekolah Abad Ke-21

Pusat sumber sekolah (PSS) merupakan pusat mengakses maklumat yang mengandungi pelbagai **sumber cetak dan bukan cetak, elektronik dan digital** yang diurus secara sistematik bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Dasar pengurusan PSS diwujudkan untuk memastikan PSS mempunyai koleksi yang menepati piawaian, terkini, diurus dengan cekap dan berkesan serta digunakan secara optimum. Pengurusan PSS merangkumi elemen perolehan dan pemprosesan bahan, perkhidmatan, pengesanan dan pendokumentasian sesuai dengan kemajuan teknologi maklumat masa kini.

PSS diurus melalui pengurusan kualiti secara menyeluruh (*Total Quality Management*). Pentadbir sekolah dan Guru Perpustakaan dan Media (GPM) perlu bekerjasama dalam memastikan PSS dapat dilaksanakan dengan cekap dan efektif agar sekolah menjadi tempat yang menyeronokkan. Ini dapat **menggalakkan pembelajaran kendiri (*self-learning*)** di mana guru dan murid belajar melalui capaian sumber maklumat yang begitu banyak dan pelbagai. Keadaan ini merangsang pembelajaran dan menghasilkan idea-idea yang bernas dan pragmatik.

2.0 Hala Tuju Pusat Sumber Sekolah Abad Ke-21

Pusat sumber sekolah berusaha memenuhi keperluan pendidikan agar mencapai penggunaan PSS secara optimum dalam kalangan murid-murid supaya mereka dapat :

- 2.1 Mempelajari kepelbagaian sumber dan format maklumat
- 2.2 Mengakses maklumat secara berkesan dan efisien
- 2.3 Menggunakan maklumat secara beretika
- 2.4 Membuat penilaian mengenai kualiti laman-laman web
- 2.5 Menggunakan teknologi maklumat secara bertanggungjawab
- 2.6 Mencari, menilai dan memilih bahan yang sesuai

3.0 Objektif Pelaksanaan Pusat Sumber Sekolah Abad Ke-21

1

3.1 Menggalakkan pelbagai aktiviti pembelajaran di PSS.

Guru-guru digalakkan menggunakan kemudahan pusat sumber sekolah dalam aktiviti yang berkaitan dengan pembelajaran. Aktiviti galak guna dapat meningkatkan pembelajaran kendiri dan pencarian maklumat dengan menggunakan kemudahan yang terdapat di PSS .

3.2 Meningkatkan tahap pembacaan melalui pelbagai sumber

PSS menjadi pemangkin kepada pembelajaran kendiri dengan memperbanyakkan bahan bacaan berunsur digital. Kepelbagaian sumber pencarian maklumat dapat menggalakkan dan menyeronokkan murid membuat rujukan dan penyelidikan secara sistematik.

3.3 Kemenjadian murid

Pembelajaran dan kemahiran mencari ilmu melalui pelbagai sumber menggalakkan murid mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini membolehkan mereka bersedia mengikut proses pembelajaran dan seterusnya bersedia untuk bersaing dalam dunia pekerjaan.

4.0 Fungsi Pusat Sumber Sekolah Abad ke-21

- 4.1 Merancang dan mengurus perolehan bagi membina koleksi yang komprehensif, seimbang dan kemas kini selaras dengan keperluan kurikulum dan memenuhi keperluan warga sekolah
- 4.2 Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan akses maklumat bagi kegunaan individu atau kumpulan
- 4.3 Memberi panduan dan kemahiran kepada warga sekolah berkaitan proses carian, penghasilan dan penggunaan maklumat
- 4.4 Menyediakan kemudahan, peralatan dan bahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi
- 4.5 Menjalin perkongsian pintar dan rangkaian strategik dengan pelbagai agensi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan


5.0 Kaedah Pelaksanaan Pusat Sumber Sekolah Abad Ke-21

Pelaksanaan PSS abad ke-21 lebih memberi perhatian kepada **kualiti penggunaan dan peningkatan PSS secara optimum serta memberi tumpuan**

kepada pemerolehan ilmu dan literasi maklumat. PSS dirancang dan disusun mengikut keperluan semasa. Pelaksanaan ini diharapkan dapat membantu dan menyokong pembelajaran abad ke-21.

Model Pusat Sumber Sekolah abad ke-21 memberi penekanan terhadap 3 unsur / elemen yang dapat meningkatkan penggunaan yang optimum.

- i. Ruang pembelajaran (space)
- ii. Teknologi (technology)
- iii. Kandungan (knowledge)



Model PSS Abad ke-21

Pusat sumber sekolah abad ke-21 berperanan membina pengetahuan murid melalui capaian internet. Dengan peralihan ini, bukan sahaja murid menerima perubahan kandungan, tetapi mengetahui cara menggunakan ruang PSS dengan berkesan. Sekolah seharusnya mewujudkan persekitaran "**kerjasama dan pengetahuan bersama**". Walaupun buku masih memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran, **teknologi digital** menawarkan laluan tambahan untuk pembelajaran dan pemerolehan pengetahuan.

Murid dan guru memerlukan tempat yang menggalakkan pembelajaran dan pembinaan pemahaman daripada pelbagai sumber. **Ruang umum mesra** dapat menggalakkan penerokaan, penciptaan dan kerjasama antara murid, guru dan masyarakat secara lebih luas. PSS mewujudkan ruang tanpa halangan dan ruang

fleksibel di mana murid akan berhimpun dan melibatkan diri dalam kegiatan pembelajaran.

5.1 Ruang

PSS bukan hanya tempat menyimpan koleksi buku tetapi tempat pembelajaran yang menyeronokkan. PSS perlu mempunyai infrastruktur seperti pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi serta menyediakan suasana pembelajaran yang selesa (*fun learning area*) berteraskan *resource-based learning*.

Ruang pembelajaran ini boleh diubahsuai untuk mengendalikan aktiviti yang pelbagai serta perubahan kurikulum dan teknologi. Ruang-ruang yang boleh diubahsuai seperti berikut :

- 5.1.1 Ruang membaca terbuka
- 5.1.2 Ruang diskusi
- 5.1.3 Ruang permainan pembelajaran
- 5.1.4 Ruang akses komputer, internet, dan *wifi hotspot*
- 5.1.5 Ruang mentelaah, penyelidikan dan koleksi
- 5.1.6 Ruang bacaan riadah ringan untuk surat khabar dan majalah
- 5.1.7 Ruang pembelajaran kumpulan kecil dan besar untuk menjalankan penyelidikan dan perbincangan

5.2 Teknologi

Teknologi dengan gabungan capaian dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran peribadi dan menggalakkan murid bermain, meneroka dan menyelidik secara lebih mendalam. Kemudahan teknologi yang melengkapi PSS abad ke – 21 adalah seperti berikut :

- 5.2.1 Komputer dan capaian Internet bagi memudahkan p&p seperti *VLE*.
- 5.2.2 Perpustakaan Digital yang mempunyai *e-book*, *e-jurnal*, akhbar *online* dan arkib surat khabar digital
- 5.2.3 Web Pusat Sumber Sekolah dilengkapi dengan pelbagai pautan untuk memudahkan pencarian informasi.
- 5.2.4 Dilengkapi dengan radio pendidikan, TV pendidikan, radio amatur serta perakam bunyi, alat pemain CD ROM, alat imbasan, alat pemain video, komputer, kios, i-pad dan papan pintar.

- 5.2.5 Perkhidmatan *ubiquitous* bagi membantu memudahkan pencarian maklumat dan bahan bacaan.
- 5.2.6 Menggunakan medium elektronik sebagai alternatif dalam tempahan penggunaan bilik atau bahan pengajaran dan pembelajaran. 3

5.3 Kandungan


PSS abad ke-21 **mengutamakan pembelajaran berpusatkan murid**. Oleh itu, koleksi bahan yang bersesuaian harus disediakan mengikut keperluan kurikulum dan kokurikulum.

- 5.3.1 Guru dan murid menggunakan kemahiran perpustakaan, kemahiran belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam konteks mencari, mengumpul, menyebar dan menggunakan **kemahiran literasi maklumat (*information literacy*)**.
- 5.3.2 Berupaya mengakses maklumat yang sesuai untuk pembelajaran.
- 5.3.2 Bahan cetak, bahan bukan cetak dan digital yang sesuai dengan murid.

GPM dan pentadbir sekolah harus menyediakan semua kemudahan dan infrastuktur yang dilengkapi dengan **peralatan multimedia** agar dapat melibatkan murid dalam mencari maklumat. Selain itu, pengurusan sumber manusia di peringkat sekolah dan kerjasama masyarakat setempat harus dipertingkatkan supaya dapat mewujudkan hubungan baik dan perasaan muhibah antara organisasi sekolah dengan pihak luar. Aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh PSS abad ke-21 dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang kepentingan membaca.

Model PSS yang dicadangkan dapat diperincikan dalam bentuk rajah di baw-

4




Perincian Konsep PSS abad ke-21

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memberi kesan dalam pelaksanaan pembudayaan literasi maklumat di sekolah. Perkembangan ini turut mengubah landskap pengurusan PSS. Penglibatan semua pihak sangat diperlukan dalam merealisasikan hala tuju pusat sumber sekolah abad ke-21.

Contoh PSS Abad Ke-21

5






TEKNOLOGI

6





KANDUNGAN



BIDANG TUGAS

GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA

Usaha dalam membentuk pusat sumber sekolah sedia ada kepada PSS yang bercirikan abad ke-21 memerlukan kemahiran dan daya fikir yang mendepani kebiasaan. Guru Perpustakaan dan Media (GPM) berperanan sebagai ejen perubahan yang mampu meletakkan PSS seiring dengan keperluan pengguna dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta pelaksanaan pembudayaan literasi maklumat di sekolah.

Bidang tugas Guru Perpustakaan dan Media (GPM) boleh dibahagikan kepada empat bidang utama iaitu:

- i. Pengurusan dan Pentadbiran
- ii. Organisasi Bahan
- iii. Galakan Membaca
- iv. Literasi Maklumat

1.0 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
1.	Jawatankuasa	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan Jawatankuasa Induk/ Jawatankuasa Kerja/ NILAM/ Pengawas PSS • Menyediakan carta organisasi • Mengemas kini dan mempamerkan carta organisasi • Memantau dan membantu pelaksanaan tugas-tugas jawatankuasa terlibat <ul style="list-style-type: none"> ◦ JK Induk PSS ◦ JK Kerja PSS ◦ Pengawas PSS • Mempamerkan senarai tugas
2.	Fail Kuasa	<ul style="list-style-type: none"> • Mengemaskini Fail Kuasa jika ada polisi/prosedur kerja PSS yang baru atau ditukar
3.	Fail Meja GPM	<ul style="list-style-type: none"> • Mengemaskini fail meja
4.	Mesyuarat <ol style="list-style-type: none"> a) Jawatankuasa Induk Pusat Sumber Sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan surat panggilan • Mesyuarat Jawatankuasa Induk/ Jawatankuasa Kerja/ NILAM/ JK Pengawas PSS

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
	b) Jawatankuasa Kerja Pusat Sumber Sekolah c) JK NILAM d) JK Pengawas PSS	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan agenda mesyuarat yang berkenaan • Menyediakan minit mesyuarat yang berkenaan • Mengedar minit mesyuarat yang berkenaan • Mengurus dan menyimpan surat-menyurat /dokumen secara bersistem
5.	Rancangan Pembangunan Jangka Panjang (Perancangan Strategik)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan Rancangan Pembangunan Jangka Panjang (Perancangan Strategik) • Menyediakan laporan pencapaian • Menyediakan kajian kemajuan • Pembentangan dan edaran kepada Pengetua/GB/PKP dan Ketua Panitia/Ketua Bidang dalam mesyuarat pengurusan PSS
6.	Perancangan Tahunan (Pelan Taktikal)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengedarkan borang aktiviti kepada Ketua Panitia/ Ketua Bidang /Ketua Unit • Memungut borang aktiviti daripada Ketua Panitia / Ketua Bidang / Ketua Unit • Menyemak, memilih dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang diperoleh • Menyediakan Carta Gantt • Dokumentasi • Membentangkan dan mengedarkan Perancangan Tahunan kepada PKP dan Guru Panitia dalam mesyuarat pengurusan PSS
7.	Aktiviti (Pelan Operasi)	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan aktiviti PSS seperti yang dirancang (Perancangan Tahunan) • Menyediakan laporan aktiviti-aktiviti tersebut • Menyelaras aktiviti PSS dengan aktiviti sekolah berdasarkan takwim sekolah • Merancang, menyusun, dan menjalankan tugas setiap bulan
8.	Pelantikan Pengawas PSS	<ul style="list-style-type: none"> • Mengedar borang pencalonan pengawas baru kepada guru kelas • Menjalankan temu duga

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
		<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan surat pelantikan pengawas baru • Pelantikan Pengawas PSS • Menyerah dan memberi taklimat bidang tugas pengawas • Menjalankan bengkel pengurusan PSS
9.	Menyediakan Rekod	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan dan membuat analisis : <ul style="list-style-type: none"> ◦ Rekod Perolehan Bahan Buku, Bukan Buku, Surat Khabar dan Majalah ◦ Rekod Bertugas Jawatankuasa Kerja PSS ◦ Rekod Bertugas Pengawas PSS ◦ Rekod Penggunaan Bilik-bilik di PSS ◦ Rekod Penggunaan Peralatan ◦ Rekod Penggunaan Radio Pendidikan/ TVP ◦ Rekod Penyelenggaraan Peralatan ◦ Rekod Pilih Buang ◦ Rekod Pinjaman Buku/ Bukan Buku oleh ahli ◦ Rekod Pinjaman Pukal • Menyediakan Buku Pelawat • Menyediakan kad keahlian semua warga sekolah • Menyediakan statistik pinjaman harian, mingguan, bulanan dan tahunan
10.	Panduan dan peraturan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan panduan dan peraturan penggunaan bilik/perkakasan PSS: <ul style="list-style-type: none"> ◦ Penggunaan ruang PSS ◦ Penggunaan Komputer ◦ Pinjaman dan pemulangan bahan PSS ◦ Penggunaan TVP ◦ Penggunaan OHP/ LCD • Mempamerkan panduan dan peraturan yang disediakan • Dokumentasi

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
11.	Jadual Penggunaan PSS / Jadual Bertugas Guru / Pengawas PSS	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan dan mempamerkan jadual waktu bertugas dan penggunaan PSS
12.	Waktu Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyedia, mengedar dan mempamerkan jadual waktu perkhidmatan di bilik guru, kelas dan papan kenyataan PSS • Menyediakan waktu perkhidmatan khas di luar waktu persekolahan (Sekolah Berasrama/ ata-permintaan murid) • Pamerkan waktu perkhidmatan perpustakaan dan agensi-agensi lain
13.	Promosi	<p>Melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat pengurusan sekolah • Brosur PSS • Orientasi PSS • Laman Web • VLE
14.	Sistem fail	<p>Cadangan fail yang boleh diwujudkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fail Pekeliling PSS • Fail Aktiviti/Program Khas • Fail Surat-surat daripada BTP, BTPN dan PKG • Fail Jawatankuasa Hapus kira dan Pelupusan • Fail Jawatankuasa Induk PSS • Fail Jawatankuasa Kerja PSS • Fail Jawatankuasa Pemilihan Bahan • Fail Jawatankuasa Pengawas PSS • Fail Jawatankuasa Unit-unit • Fail Kewangan <ul style="list-style-type: none"> ◦ ABM ◦ Laporan kewangan • Fail Pembelian <ul style="list-style-type: none"> ◦ Sijil Akuan Penerimaan (SAP) ◦ Invois ◦ Resit

10

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
		<p>* Nota</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kod rujukan fail PSS mengikut kod rujukan sekolah berdasarkan saranan daripada JNJK / Arkib - Mengemas kini isi kandungan fail dari semasa ke semasa - Menyimpan fail-fail PSS di bilik pengurusan PSS - Sentiasa kemas kini fail PSS yang disimpan di pejabat sekolah bagi memudahkan pihak pengurusan sekolah mengetahui status PSS. (Contoh: rancangan tahunan, laporan aktiviti, rumusan koleksi dan penggunaan PSS, laporan kewangan dan surat-surat berkaitan)
15.	Salinan Daftar Stok Bekalan Pejabat	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima dan menyemak bahan/alatan yang diterima • Merekodkan bahan masuk (dengan pen merah) • Merekodkan bahan keluar (dengan pen biru / hitam) • Menyemak stok 2 kali setahun
16.	Salinan Daftar Inventori (Kew.PA-3)	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima dan merekodkan peralatan • Mengemas kini dan menyemak peralatan
17.	Salinan Daftar Harta Modal (Kew.PA-2)	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima peralatan • Menyemak peralatan • Merekodkan penyelenggaraan
18.	Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori (Kew.PA-6)	<ul style="list-style-type: none"> • Merekodkan pergerakan harta modal dan peralatan yang dipinjam dari PSS
19.	Keceriaan, kebersihan dan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Merancang dan melaksana susun atur PSS • Sediakan panduan dan label tunjuk arah dilekatkan di tempat tertentu • Pamerkan peraturan dan panduan untuk membantu pelajar mencari dan menggunakan

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
		maklumat. Melekatkan poster, carta dan gambar-gambar di tempat yang sesuai.
20.	Penilaian PSS	<p>Menjalankan penilaian PSS untuk menaik taraf PSS dari segi, pembangunan fizikal, pengurusan perkhidmatan, penambahan koleksi dan program/aktiviti yang dijalankan. Ianya boleh dilakukan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rekod penggunaan / peminjaman • Maklum balas warga sekolah secara lisan atau bertulis • Kaji Selidik • Instrumen Penilaian PSS
21.	Kursus Dalaman	Kursus dalaman berkaitan dengan kemahiran perpustakaan dan kemahiran literasi maklumat kepada JK Kerja PSS dan warga sekolah.

11

2.0 Organisasi Bahan

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
1	<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan Bantuan Geran Per kapita Pusat Sumber Sekolah (PCG) • Yuran Khas PSS 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapatkan jumlah peruntukan bantuan per kapita daripada Guru Besar/ Pengetua • Berdasarkan jumlah peruntukan per kapita tahun semasa, buat anggaran belanjawan • Rujuk analisis koleksi terkini bahan sewaktu membuat anggaran belanjawan
2	Perancangan Pembelian	<ul style="list-style-type: none"> • Pengagihan peruntukan bantuan geran per kapita/ Yuran Khas PSS mengikut surat pekeliling yang sedang berkuat kuasa
3	Pemilihan dan pembelian bahan	<ul style="list-style-type: none"> • Lantik jawatankuasa pemilihan dan pembelian bahan • Adakan mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan dan Pembelian Bahan

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
		<ul style="list-style-type: none"> • Edarkan dasar pemilihan dan pembelian bahan kepada semua ketua panitia • Sediakan analisis koleksi terkini bahan bagi tahun semasa • Ambil kira kekuatan dan kelemahan koleksi semasa membuat perancangan pembelian bahan • Sediakan anggaran perbelanjaan tahun semasa • Dapatkan senarai cadangan pembelian bahan daripada ketua-ketua panitia • Buat tempahan bahan dari pembekal
4	Penerimaan Bahan	<ul style="list-style-type: none"> • Semak borang pesanan dan buku yang diterim adalah betul dan jelas • Jika buku tersebut tidak seperti yang dikehendaki, kembalikan kepada pembekal berkenaan • Semak kualiti bahan. Jika kualiti bahan tidak menepati kualiti yang ditetapkan kembalikan bahan tersebut kepada pembekal. • Tandatangan SAP setelah kualiti dan kuantiti bahan sempurna • Kembalikan SAP yang ditandatangani kepada pembekal • Ambil tindakan untuk urusan pembayaran dan rekod perolehan stok • Failkan salinan invois bagi pembelian berkenaan untuk tindakan seterusnya
5	Pengkatalogan/ Pengelasan/ Proses Teknik Bahan (Rujuk Fail Kuasa PSS)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengelasan mengikut Sistem Perpuluhan Dewey • Sediakan slip kerja • Pengkatalogan (sistem automasi) • Dapatkan cap perolehan dan mengecapkan pada bahan • Cap hak milik di halaman rahsia

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
		<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan kad pinjaman • Lekatkan slip tarikh pulang • Letakkan label nombor panggilan pada tulang buku bagi buku tebal dan kulit depan bagi buku-buku nipis
6	Penyusunan Buku - Rujuk Fail Kuasa PSS - Rujuk kaedah penyusunan mengikut <i>ALA Cataloging Rules for Author and Title Entries. (American Library Association)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Susun buku di para paling atas dari kiri ke kanan mengikut nombor panggilan • Jika ada nombor panggilan yang sama, ikut urutan abjad nama pengarang • Buku di para dua disusun mengikut arah bertentangan dari para sebelumnya • Pastikan buku memenuhi tidak lebih daripada tiga perempat ruang para supaya memudahkan penyimpanan, pengambilan dan penambahan buku
7	Semak Stok (Rujuk Fail Kuasa PSS)	<ul style="list-style-type: none"> • Tangguhkan semua proses sirkulasi • Dapatkan kembali semua bahan yang belum dipulangkan • Sediakan borang analisis koleksi bahan • Semakan stok dilaksanakan pada setiap hujung tahun • Failkan laporan semakan stok
8	Proses Pilih buang - Hapus kira - Pelupusan (Rujuk Fail Kuasa PSS)	<ul style="list-style-type: none"> • Baik pulih bahan yang mengalami kerosakan kecil • Hapus kira bahan yang hilang • Pelupusan bahan mengikut prosedur yang telah ditetapkan

3.0 Galakan Membaca

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
1	Pengurusan Program NILAM (Rujuk	<ul style="list-style-type: none"> • Bentuk Jawatankuasa NILAM • Sediakan deskripsi tugas

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
	buku Program NILAM: Konsep dan Panduan Pelaksanaan Di Sekolah Edisi Ke- 2; Bahagian Teknologi Pendidikan)	<ul style="list-style-type: none"> • Merancang dan melaksanakan aktiviti galakan membaca (NILAM) • Aktiviti galakan membaca dipantau oleh semua guru • Mengumpul dan merekodkan data NILAM • Memberi pengiktirafan kepada murid berdasarkan rekod bacaan • Menghantarkan laporan ke PKG dan BTPN
2	Promosi	<p>Antara promosi yang dicadangkan ialah mewujudkan sudut-sudut dan aktiviti-aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Sudut NILAM <ul style="list-style-type: none"> - Pamerkan data pencapaian dan aktiviti-aktiviti - Majlis pengiktirafan - Pamerkan gambar dan profil pemenang ○ Sudut Bahan terkini <ul style="list-style-type: none"> - Fotostat kulit depan/ jaket buku terkini - Pamerkan bahan tersebut - Nyatakan lokasi penempatan bahan ○ Sudut Literasi Maklumat <ul style="list-style-type: none"> - Sedia, cetak dan pamerkan ○ Sudut Informasi PSS dan Isu-isu semasa <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulkan maklumat berkaitan - Bahan dokumentasi ○ Sudut Karya Agung/ Karya Besar <ul style="list-style-type: none"> - Sedia dan pamerkan ○ Bicara dan pamerkan buku <ul style="list-style-type: none"> - Pilih bahan - Tentukan waktu yang sesuai - Laksanakan aktiviti ○ Terbitkan brosur, risalah, poster <ul style="list-style-type: none"> - Cetak dan edarkan ○ Buletin berkala <ul style="list-style-type: none"> - Cetak dan edarkan bahan

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
		<ul style="list-style-type: none"> - Masukkan dalam Laporan Tahunan Aktiviti PSS o Mengadakan Pameran Bertema <ul style="list-style-type: none"> - Wujudkan sudut atau bilik pameran - Tentukan tema - Rancang aktiviti berkaitan setiap tema - Kumpul bahan seperti folio, buku skrap, poster dan yang berkaitan dengan tema
3	Pelaksanaan aktiviti lain galakan membaca	<ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan NILAM • Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) • Pertandingan Info-hunt / Jejak Maklumat • Program bersama panitia <ul style="list-style-type: none"> o Membantu panitia menjalankan aktiviti seperti pertandingan folio, buku skrap, model dan kuiz

4.0 Literasi Maklumat

15

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
1	Pengurusan Literasi Maklumat Model-model Literasi Maklumat: 1. <i>The Big 6 Skill</i> oleh Eisenberg M & Berkowitz R. 2. <i>Information Proses</i> oleh ASLA 3. <i>Empowering</i> oleh Wejethunge	Memperkenalkan model-model literasi maklumat kepada guru: <ul style="list-style-type: none"> • Strategi mencari maklumat • Lokasi dan capaian • Pengumpulan maklumat • Penyusunan maklumat • Penilaian • Pemilihan • Penggunaan maklumat
2	Mengetahui kemahiran literasi maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi pendedahan kepada warga sekolah berkaitan kemahiran literasi maklumat

Bil.	Tugas	Perincian Tugas
	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran perpustakaan • Kemahiran belajar • Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) • Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) • Kemahiran komunikasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengaplikasikan kemahiran literasi maklumat dalam pengurusan PSS
3	Kolaboratif dengan panitia	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan guru-guru menggunakan kemahiran literasi maklumat dalam p&p. • Bekerjasama dengan panitia untuk menghasilkan modul aktiviti kemahiran literasi maklumat
4	Wujudkan sudut Literasi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan bahan untuk dipamerkan dan digunakan • Menentukan lokasi sudut literasi maklumat • Menggalakkan murid menggunakan kemudahan sudut literasi maklumat

**PERINCIAN TUGAS
PENGURUSAN PSS UNTUK
GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA SEKOLAH**

PERINCIAN TUGAS
PENGURUSAN PSS UNTUK GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA SEKOLAH

BIL.	TUGAS	OBJEKTIF	BULAN	PENGLIBATAN
1.	Merancang dan mengajar mata pelajaran antara 6 – 8 waktu seminggu (Rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3/2015)	<ul style="list-style-type: none"> mengekalkan kemahiran sebagai guru dalam pengajaran dan pembelajaran biasa 	Januari – Disember	Guru Penolong Kanan Pentadbiran
2.	Merancang dan melaksanakan dasar dan program tahunan PSS	<ul style="list-style-type: none"> memastikan pelaksanaan dasar yang dirancang diselaraskan dasar dan program yang dirancang dapat disebarluaskan kepada semua yang terlibat 	Disember – Januari	Jawatankuasa Induk PSS
3.	Merancang dan mengurus belanjawan tahunan PSS	<ul style="list-style-type: none"> wang peruntukan dapat diagihkan mengikut keperluan menggunakan peruntukan mengikut arahan yang ditetapkan 	Disember – Januari	Jawatankuasa Induk PSS
4.	Merancang pemerolehan dan pembinaan koleksi yang komprehensif, seimbang dan kemas kini	<ul style="list-style-type: none"> menyeimbangkan pemerolehan dan pembinaan koleksi mengikut keperluan dan kesesuaian mengemas kini perolehan dan koleksi 	Januari – Mac	Jawatankuasa Kerja PSS Jawatankuasa Kurikulum
